

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI-ISTERI PEGAWAI KANAN KERAJAAN
MALAYSIA 1983
Lokasi : BILIK SEMINAR, TINGKAT 9 MENARA KOMPUTER, INTAN
Tarikh : 19-10-1983

Yang Berusaha Encik V. Danabalan, Pemangku Pengarah INTAN;

Yang Berbahagia Puan Sri-Puan Sri;

Datin-Datin;

Puan-Puan;

Tuan-Tuan;

dan Peserta-Peserta Kursus sekalian.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahirrahmannirrahim, Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada INTAN yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Kursus Isteri- Isteri Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1983 yang diadakan khas bagi isteri-isteri pegawai-pegawai diplomat dan isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan Malaysia.

2. Saya merasa amat bertuah kerana masih lagi dapat melibatkan diri dalam kursus ini pada tahun ini, iaitu bagi kali yang ketujuhnya. Seperti juga pada tahun-tahun yang lepas, kursus ini mendapat sambutan dan sokongan yang sangat menggalakkan daripada para isteri, dan saya percaya ianya akan mendapat sambutan yang baik pada tahun-tahun hadapan jua.

3. Saya difahamkan bahawa kursus ini mendapat penyertaan bukan sahaja daripada isteri-isteri para diplomat, tetapi juga isteri-isteri pegawai kanan kerajaan yang bertugas di dalam negeri, yang juga memainkan peranan yang hampir sama dengan rakan mereka di luar negeri. Oleh itu saya percaya kursus ini juga berfaedah kepada mereka.

4. Daripada pemerhatian saya semasa membuat lawatan di luar negeri, saya dapati isteri-isteri pegawai diplomat memainkan peranan yang penting dalam membantu suami masing-masing melaksanakan tugas rasmi mereka. Dalam konteks ini saya sukacita kerana kursus seperti ini dapat meninggikan mutu sumbangan para isteri bagi menjayakan tugas rasmi suami mereka.

5. Pada hemat saya, matlamat yang hendak dicapai oleh pro- gram kursus ini ialah mewujudkan satu sikap yang positif di kalangan isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan, terutama sekali isteri-isteri yang akan mengikuti suami mereka untuk bertugas di luar negeri, supaya mereka menyedari dengan sepenuhnya akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan. Apa jua matlamat yang hendak dituju dan dicapai oleh negara kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan berbilang kaum, adalah menjadi tanggungjawab puan-puan untuk menggambarkan dengan sebenarnya di negara asing. Ini boleh puan-puan lakukan semasa berinteraksi dengan

orang-orang asing, sama ada melalui tingkah laku, percakapan dan sebagainya.

6. Dalam hubungan ini, saya fikir semangat perpaduan atau "esprit de corps" di kalangan ahli-ahli perwakilan kita di luar negeri adalah merupakan elemen yang amat penting sekali dan dalam usaha menjalinkan perpaduan ini, para isteri perwakilan kita di luar negeri perlulah menunjukkan sikap kerjasama dan persefahaman yang erat di antara satu sama lain. Perselisihan faham tidak seharusnya berlaku di antara mereka, oleh kerana andainya keadaan ini dibiarkan berlaku, mungkin akan menjejaskan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan ahli-ahli perwakilan kita. Dan ini secara langsung atau tidak langsung akan menjejaskan nama baik perwakilan dan negara kita di kalangan antarabangsa.

7. Saya kira pihak INTAN sedar bahawa isteri-isteri pegawai kanan Kerajaan, khususnya isteri-isteri pegawai dip- lomat kita, mempunyai peranan yang amat penting dalam pembangunan dan hubungan antarabangsa negara kita. Saya sendiri percaya bahawa di sebalik kejayaan seorang suami itu, adalah seorang isteri yang membantunya. Oleh itu dengan memahami peranan dan tugas Kerajaan secara umumnya dan tugas-tugas dan tanggungjawab suami secara khususnya, isteri-isteri dapat membantu secara tidak langsung untuk meninggikan imej Kerajaan Malaysia di samping meringankan sedikit sebanyak beban tugas yang dipikul oleh suami mereka.

8. Adalah diharapkan, melalui kursus ini para isteri akan dapat meninggikan pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap isu-isu dan masalah-masalah negara kita dan segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi isu-isu dan masalah-masalah tersebut. Pengetahuan dan kesedaran ini bukan sahaja dapat memupuk semangat kesetiaan dan cinta kepada negara kita, malah diharapkan boleh memberi keyakinan kepada para isteri dalam pergaulan dan interaksi mereka dengan isteri-isteri atau pegawai-pegawai diplomat negara asing.

9. Imej sesuatu negara itu tidak terletak hanya kepada pengetahuan dan tingkah laku seseorang pegawai kanan atau pegawai diplomat negara berkenaan. Ianya juga dinilai dari segi pembawaan dan tingkah laku si isteri dalam masa berhubung dengan pegawai-pegawai asing dan isteri-isteri mereka. Andainya berlaku tingkah laku seseorang isteri pegawai kanan atau pegawai diplomat yang kurang sempurna, maka keadaan seperti ini boleh menjejaskan imej negara kita.

Oleh yang demikian, puan-puan perlulah selalu berwaspada dengan percakapan dan tingkah laku puan-puan di kalangan orang-orang asing, supaya dapat sentiasa meninggikan imej negara kita.

10. Saya perhatikan isi kandungan kursus ini adalah menyeluruh dan boleh mencapai tujuan untuk memberi pengetahuan dan panduan kepada para isteri. Isi kandungannya bukan sahaja meliputi perkara-perkara seperti pelajaran anak-anak, kesejahteraan mereka, persiapan-persiapan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan di seberang laut dan cara-cara memainkan peranan yang berkesan sebagai isteri-isteri pegawai perwakilan di luar negeri, tetapi juga merangkumi bidang-bidang yang penting seperti sistem Kerajaan Malaysia, sejarah dan kebudayaan, nilai-nilai masyarakat kita, latihamal-latihamal mengenai cara-cara berucap, keselamatan negara, hubungan antarabangsa, protokol dan keraian dan sebagainya.

11. Kursus isteri-isteri ini adalah satu aktiviti latihan yang penting yang dijalankan oleh INTAN pada tiap-tiap tahun untuk faedah isteri-isteri pegawai kanan dan diplomat kerajaan. Mutu kursus ini, pada pendapat saya, telah bertambah baik dari setahun ke setahun. Ini adalah akibat daripada usaha INTAN untuk memperbaiki program kursus ini hasil daripada maklumbalas-maklumbalas yang diterima dari peserta-peserta kursus yang lepas. Memandang kepada usaha dan masa yang diberikan oleh INTAN untuk merancang dan mengendalikan kursus ini, maka saya ingin meminta kerjasama dari peserta-peserta supaya jangan mensia-siakan usaha INTAN ini dan berharap puan-puan semua akan mengikuti kursus ini dengan serius dan penuh ketekunan sehingga ke akhirnya.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada INTAN atas usahanya mengendalikan dan menjadikan kursus ini sebagai projek tetap latihannya. Saya percaya kursus pada kali ini, akan dapat dijalankan dengan lebih lengkap, licin dan sesuai dengan kehendak-kehendak para isteri sekalian. Bagi puan-puan yang akan mengikuti kursus ini saya ucapkan maju jaya di dalam berkursus dan semoga segala pengetahuan yang akan diperolehi akan dijadikan panduan yang sepatutnya.

13. Dengan hasrat bahawa kursus ini memupuk kesedaran dan menambah pengetahuan yang dihajatkan, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Kursus Isteri-Isteri Pegawai Kanan Kerajaan Malaysia 1983 ini dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.